



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

MyCC PERKUKUH TEKAD KERAJAAN BANTERAS KARTEL

Hari ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengadakan Simposium Undang-Undang Persaingan bertajuk “Behind Closed Doors: The Hidden Drivers of Market Distortion”. Simposium ini bertujuan mendalami isu-isu kritikal terkait persaingan seperti tipuan bida dalam perolehan awam, kenaikan harga makanan, rejim kawalan penggabungan dan dominasi pemain-pemain ekonomi digital.

Sebagai badan bebas yang ditubuhkan pada tahun 2011, MyCC terus giat menjalankan kefungsiannya utamanya untuk melindungi proses persaingan bagi kepentingan perniagaan, pengguna dan ekonomi dengan menguatkuasakan peruntukan di bawah Akta Anti Persaingan 2010. Ini termasuklah membanteras amalan anti persaingan seperti kartel dan monopoli bermasalah yang menyumbang kepada peningkatan kos sara hidup rakyat.

Bagi tahun 2024, MyCC berjaya menumpaskan beberapa kes kartel dan monopoli bermasalah di pasaran negara. Antara kejayaan terbesar MyCC ialah melibatkan kes kartel oleh lima pengeluar makanan ayam utama di Malaysia dengan jumlah penalti kewangan sebanyak RM415.5 juta. Sejumlah RM1.5 juta penalti kewangan turut dikenakan terhadap 15 syarikat kerana terlibat dalam kartel tipuan bida.

Dalam masa yang sama, MyCC telah mengeluarkan tiga keputusan cadangan terhadap 92 syarikat lain dan satu keputusan akhir terhadap tujuh syarikat berdasarkan bukti-bukti keterlibatan dalam kartel tipuan bida. Sehingga kini juga, MyCC terus giat menyiasat lebih 500 syarikat yang disyaki terlibat dalam kartel tipuan bida berkaitan tender-tender kerajaan bernilai RM2.3 billion.

Sehubungan itu, dalam usaha memperkasa gerak kerja MyCC untuk memecahkan tembok penguasaan kartel, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM27 juta kepada MyCC dalam Belanjawan 2025, iaitu jumlah tertinggi dalam sejarahnya.

Dari aspek perundangan pula, MyCC juga sedang dalam proses cadangan untuk melaksanakan pindaan kepada Akta Persaingan 2010. Antara cadangan pindaan termasuklah mengenakan penalti yang lebih berat serta pemberian ganjaran kepada pemberi maklumat. MyCC juga akan memperkenalkan rejim kawalan penggabungan yang bertujuan untuk mengelak pembentukan awal kartel dan monopoli baharu.

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI

Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

Kuala Lumpur
16 Januari 2025

###